



Kementerian Wilayah Persekutuan

## DRAF UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI ADNAN  
BIN HJ MD IKSHAN**

**Ketua Setiausaha**

**MAJLIS PERHIMPUNAN  
BULANAN KWP BAGI BULAN  
APRIL 2016**

**JUMAAT, 15 APRIL 2016  
DEWAN SERBAGUNA KWP**

**BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

**Yang Berbahagia Datuk Hajah Nor'  
Aini binti Abd Wahab**

Timbalan Ketua Setiausaha  
(Pengurusan & Sosio-Ekonomi);

**Yang Berbahagia Dato' Hj. Mohd Sani  
bin Mistam**

Timbalan Ketua Setiausaha  
(Perancangan & Pembangunan);

**Setiausaha-Setiausaha Bahagian;**

**Pegawai-Pegawai Kanan;**

**Tuan-tuan dan Puan-puan,**

**Hadirin yang saya hormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam 1Malaysia dan  
Salam 1Wilayah.**

## UCAPAN ALUAN

1. Pertamanya bersamalah kita memanjangkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberi kita kesempatan untuk berkumpul bagi mengadakan Perhimpunan Bulanan kali kedua untuk tahun 2016 ini untuk memperbaharui semangat kita sebagai warga Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Tahniah dan Terima Kasih kepada semua warga Kementerian Wilayah Persekutuan di atas usaha dan kerjasama dalam menjayakan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 pada bulan Februari yang lalu. Sebanyak 32 program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 telah dilaksanakan dengan baik dan ini merupakan hasil usaha dari semua pihak.

2. Saya faham akan penat lelah dan perit jerih yang dilalui untuk memastikan semuanya berjalan dengan lancar. Dengan sumber yang terhad, saya memuji tuan-tuan dan puan-puan seluruhnya kerana berjaya melaksanakan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dengan penuh gilang-gemilang. Saya percaya terdapat juga ruang penambahbaikan yang dapat dilaksanakan dan yang terpenting sekali, dapat memantapkan ukhuwwah di antara kita semua. Saya juga menyokong penuh segala usaha bersama kita bagi program-program berbentuk touch point tanpa rasa berbelah bahagi demi kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

3. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Tahniah dan Selamat Datang kepada semua warga kerja baru KWP. Semoga kehadiran tuan-tuan dan puan-puan akan dapat membantu di dalam perancangan dan

pelaksanaan dalam mencapai matlamat kerajaan. Ucapan tahniah kepada yang telah bertukar keluar atas sebab kenaikan pangkat, semoga dapat menimba pengalaman di tempat yang baru. Segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan selama ini, KWP mengucapkan ribuan terima kasih dan mendoakan kepada tuan-tuan dan puan-puan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

## **KEJAYAAN KWP PADA 2015**

4. Alhamdulillah, Saya juga begitu gembira sekali mendengar kejayaan demi kejayaan yang dilakarkan sepanjang tahun lepas. Tahniah saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang mana merupakan penyumbang kepada kejayaan tersebut. Di sini saya juga berbangga untuk memaklumkan tentang pencapaian kejayaan-kejayaan yang dikecapi oleh

Kementerian sepanjang tahun lalu.  
Antaranya adalah:

### PENCAPAIAN

- Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam Tahun 2015-2016: 5 Bintang Bagi Indeks Penilaian Star Rating
- Penarafan 5 Bintang Bagi Portal KWP dan Agensi oleh MAMPU
- Penarafan 4 Bintang Bagi Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara
- Zero percent (0%) Bagi AP58 (a) oleh Jabatan Akauntan Negara
- Pencapaian 100% bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Bagi Semua 5 Kriteria oleh JPA
- Pensijilan Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC27001:2013 ISMS) oleh SIRIM
- Audit Pematuhan Pertama (Surveillance Audit) Bagi

## Pengekalan Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008

### ANUGERAH

- Anugerah Pusat Tanggung Jawab (PTJ) Terbaik Pengurusan Kewangan Dan Akaun Bagi Pembayaran 100% Dalam Tempoh 7 Hari oleh Jabatan Perdana Menteri
- Anugerah Ikon Pengurusan Projek 2014 – Best Promising Ministry oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)
- Anugerah Ikon Pengurusan Projek 2014 – Pencapaian Paling Konsisten
- Anugerah Ikon Pengurusan Projek 2014 – Anugerah SPP II Champion
- Anugerah Ikon Pengurusan Projek 2014 – Anugerah Penilaian Outcome Terbaik
- Kementerian Cemerlang Pilihan Pengguna oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)

- Bronze Award bagi Kumpulan KIK Hybrid KWP di International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) di Korea Selatan

## **ISU INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

5. Isu terkini dalam perkhidmatan awam melibatkan integriti dan rasuah penjawat awam ialah penyalahgunaan dana awam melebihi RM100 juta yang melibatkan seorang pegawai kanan di Kementerian Belia dan Sukan. Kesannya, ia telah memberikan satu peringatan penting agar sistem & prosedur sesebuah Jabatan ditambahbaik dan dilaksanakan sistem kawalan dalaman yang baik.

6. Oleh itu, semua Kementerian dan Agensi telah diminta untuk menambah baik sistem pentadbiran dengan melaksanakan pertukaran kepada pegawai yang bertugas melebihi tempoh



5 tahun di jawatan strategik/hot spot. Selain itu, semua Setiausaha Bahagian juga hendaklah peka kepada "*early sign*" yang ditunjukkan oleh pegawai di bawah seliaan seperti mengamalkan gaya hidup melebihi pendapatan, kerap ke luar negara tanpa sebab, gagal menjelaskan punca perolehan harta, suka berahsia atau bekerja berseorangan dan kontraktor/pembekal enggan berurusan dengan pegawai lain.

7. Untuk makluman, pada masa ini Kerajaan telah mula menguatkuasakan Akta 711 (Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010) atau "*Whistleblower Protection Act 2010*". Melalui akta ini, seseorang pemberi maklumat akan dilindungi seperti berikut:

- (i) Perlindungan maklumat sulit;
- (ii)Kebal daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
- (iii)Perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan.

8. Bagi KWP, pegawai Penerima Maklumat ialah Ketua Unit Integriti. Oleh itu, semua warga KWP bolehlah menyalurkan sebarang maklumat berkaitan integriti termasuk jenayah, rasuah, penyelewengan / salah gunakuasa dan tatakelakuan / tatatertib sama ada melalui surat, e-mel atau datang ke pejabat Unit Integriti.

## **KE ARAH MEMBINA SUASANA KESERONOKAN BEKERJA**

9. Kerja bukanlah sesuatu yang ringan, malah bagi kebanyakan mereka yang bekerja itu merupakan perlakuan yang tiada hujungnya. Namun begitu, jika kita mengambil pendirian yang optimistik kita boleh menjadikan kerja itu sesuatu yang mendatangkan keseronokan.

10. Sudah tentu keseronokan bekerja yang dicapai inilah akan menjadi nadi serta tonggak kepada kecemerlangan

organisasi. Slogan 'pekerja gembira adalah pekerja yang produktif' seringkali dikaitkan dengan situasi di mana pekerja yang menyukai atau berasa seronok dalam kerjayanya. Suasana kerja yang didukung oleh sikap dan nilai keseronokan bekerja mampu mewujudkan amalan positif yang menjadikan kerja yang dibuat itu sebagai ibadat, komitmen yang tinggi di kalangan pekerja, dapat menyuntik semangat seharian bekerja serta sedia bekerjasama antara majikan dan pekerja.

11. Memberi kerjasama adalah penting dalam pengurusan sesuatu organisasi. Kerjasama yang diberikan akan cepat menyelesaikan tugas yang dilaksanakan serta dapat mengeratkan hubungan antara rakan dalam organisasi. Pegangan nilai seperti ini dapat memandu serta membantu kita melaksanakan tugas dengan berjaya serta menghasilkan perkhidmatan yang

berkualiti kepada semua pelanggan kita serta pihak pengurusan atasan kita.

## **PERBELANJAAN KWP BAGI TAHUN 2016**

12. Perkembangan semasa ekonomi global seperti penurunan harga pasaran minyak dan penurunan nilai Ringgit Malaysia telah memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, khususnya aliran tunai. Bagi menangani keadaan kewangan Kerajaan yang kurang baik, Kerajaan telah mengeluarkan Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang berkuatkuasa serta merta pada 11 Mac 2016. Bagi menyokong usaha ini, semua Bahagian perlu menyusun semula keutamaan program/ aktiviti yang telah dirancang supaya sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam mengoptimumkan perbelanjaan dan

pada masa yang sama, menguruskan sumber dengan cekap dan menyeluruh.

13. Antara langkah-langkah mengoptimalkan perbelanjaan yang boleh dilaksanakan di KWP adalah:

- Mengawal perbelanjaan kerja lebih masa;
- Merancang perjalanan bertugas rasmi dan dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang minima;
- Mengurangkan perbelanjaan utiliti seperti komunikasi, elektrik dan air;
- Penggunaan barang pakai habis seperti alat tulis, kertas dan lain-lain secara optimum bagi mengelakkan pembaziran;
- Penganjuran acara/ majlis/ keraian rasmi Kerajaan/ mesyuarat/ seminar/ bengkel/ kursus dibuat secara sederhana dan

menggunakan premis-premis milik Kerajaan;

- Pemberian cenderamata tidak dibenarkan tetapi jika benar-benar perlu dihadkan kepada kraf tempatan, buku dan produk-produk yang dikeluarkan oleh agensi sendiri;
- Hiasan pentas dibuat secara ringkas bagi mengurangkan perbelanjaan; dan
- Kementerian juga digalakkan untuk membuat kempen/promosi secara atas talian bagi mengurangkan perbelanjaan berbanding dengan mengadakan roadshow, penggunaan media cetak dan media elektronik.

14. Dengan mengambilkira langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan, penganjuran acara/majlis/keraian rasmi Kerajaan/mesyuarat/ persidangan/ seminar/ bengkel yang dianjurkan hendaklah

dikecilkan skopnya dan dikurangkan perbelanjaan sekurang-kurangnya sebanyak 30 peratus berbanding perbelanjaan tahun sebelumnya.

15. Untuk makluman, Nota Jemaah Menteri bagi memaklumkan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan di peringkat Kementerian telah dibentangkan pada 25 Mac 2016. Status pencapaian langkah-langkah yang telah dilaporkan itu akan dilaporkan semula kepada Mesyuarat Jemaah Menteri secara berkala. Semua Setiausaha Bahagian yang terlibat diminta untuk mengemaskini tahap pelaksanaan dan pencapaian langkah-langkah tersebut dan melaporkan inisiatif penjimatan baharu untuk dimasukkan ke dalam Nota Jemaah Menteri yang akan datang.

## **PERINGATAN TENTANG PEMATUHAN KEPADA PERATURAN YANG BERKUATKUASA**

16. Sebagai peringatan bersama dengan seluruh warga KWP tidak kira yang lama ataupun yang baru, untuk menjulang nama Perkhidmatan Awam ke status yang tinggi, kita sebagai Penjawat Awam hendaklah sentiasa komited dan berdedikasi. Ini dapat dikekalkan dengan kepekaan dan pematuhan arahan-arahan terkini yang berkuatkuasa.

17. Melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan Bil.10/2015 bertarikh 2 Disember 2015, semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam adalah diingatkan agar tidak berkeliaran di luar pejabat semasa waktu bekerja sama ada makan/minum di kantin atau warung dan sebagainya.



18. Semua Setiausaha Bahagian / Penyelia hendaklah memastikan kakitangan tidak menghabiskan masa berada di luar pejabat semasa waktu bekerja. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang didapati melanggar peraturan waktu pejabat.

## **HARAPAN**

19. Negara kita pada ketika ini sedang berhadapan dengan keadaan yang cukup mencabar dan soal ekonomi merupakan soal utama yang berlegar dalam minda rakyat. Harapan saya untuk tahun 2016 ini adalah komitmen dan kerjasama semua bagi menyahut saranan YAB Perdana Menteri untuk melaksanakan perbelanjaan berhemah.

20. Ini dapat dilaksanakan dengan mengoptimalkan perbelanjaan yang mana ia bukanlah bermaksud sebagai satu langkah *austerity* dengan

memotong atau mengurang perbelanjaan tetapi bagaimana setiap ringgit yang ingin kita belanjakan boleh mendatangkan hasil atau pun kesan paling besar. Kedua ialah bagaimana kita boleh menggunakan daya fikiran kita supaya lebih kreatif dan inovatif bagi meningkatkan lagi produktiviti.

## **PENUTUP**

21. Sebelum mengundur diri, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada semua warga KWP yang telah menjayakan segala peranan, tanggungjawab, program mahupun aktiviti sepanjang Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 pada Februari lalu. Saya amat berharap ia dapat dikekalkan, diperbaiki dan ditambah nilai supaya pencapaian sepanjang tahun 2016 akan lebih cemerlang dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, bangsa dan negara.

22. Sepertimana yang pernah diungkapkan oleh YAB Perdana Menteri sempena Perhimpunan Bulanan Bersama Warga JPM pada Januari 2016 yang lalu iaitu *"Kita mesti memberi tumpuan kepada perkara yang boleh kita lakukan bukan sahaja sebagai sebuah negara tetapi juga sebagai sebuah kerajaan dan sebagai sebuah pentadbiran"*.

23. Justeru, marilah kita bersatu hati dan berganding bahu dengan satu niat yang suci iaitu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan akhirnya mensyukuri kurniaan Tuhan kerana diizinkan Tuhan untuk mencari rezeki di tempat yang diredhai lagi diberkati.

24. Inilah Kementerian Wilayah Persekutuan. Tempat kita mencari rezeki dan menabur bakti.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**YBHG. DATUK SERI ADNAN BIN HJ  
MD IKSHAN  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
15 April 2016**